

SIRI KUPASAN ALKITAB

*Kasih Kurhia*  
Tuhan dalam  
*Penderitaanmu*

DAVID POWLISON

✝ PENERBITAN KRISTIAN

## **Kasih Kurnia Tuhan dalam Penderitaanmu**

Penulis : David Powlison  
Penterjemah : Lilian Jose  
Penyunting : Randy Singkee  
Pereka Kulit buku : JC Chiang

Cetakan Pertama: Jun 2019

Semua petikan Alkitab, kecuali dinyatakan sebaliknya, diambil dari:  
Alkitab Versi Borneo © 2015, Borneo Sabda Limited

*God's Grace in Your Suffering*  
Copyright © 2018 by David Powlison

Edisi Asal diterbitkan oleh:  
Crossway, satu pelayanan penerbitan Good News Publishers  
Wheaton, Illinois 60187, U.S.A.

Edisi Bahasa Malaysia diterbitkan oleh:  
Wawasan Penabur Sdn. Bhd.  
P.O.Box: 8327, Kelana Jaya  
46787 Petaling Jaya, Selangor  
wawasan.penabur@gmail.com

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Tahukah anda bahawa anda boleh mendapatkan banyak bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia secara percuma online di Sabda Harian (<http://sabdaharian.com/>)? Kunjungilah laman web mereka hari ini!

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.



## Daftar Isi

---

|  |     |
|--|-----|
| Pengenalan   | 1   |
| 1. Penderitaan Anda yang Signifikan                | 9   |
| 2. Teguhlah Alasan                                 | 15  |
| 3. Dengarkan Baik-baik                             | 25  |
| 4. Aku Bersertamu                                  | 41  |
| 5. Aku Bersertamu untuk Satu Tujuan                | 55  |
| 6. Tujuan Kasih-Ku Adalah Transformasimu           | 71  |
| 7. Aku Akan Buktikan Kasih-Ku Hingga Akhir Hidupmu | 89  |
| 8. Aku Tidak Akan Mengecewakanmu                   | 101 |
| Koda   | 109 |

Kami dengan sepenuh hati memohon kepada-Mu,  
dari kebaikan-Mu, ya Tuhan,  
untuk menghibur dan menolong semua orang yang,  
dalam kehidupan sementara ini, berada dalam kesulitan,  
kesedihan, keperluan, penyakit, atau penderitaan lain.  
(Buku Doa Bersama)

---

Segala puji bagi Allah, Bapa Tuhan kita Yesus Kristus,  
Bapa Yang Maha Pemurah dan  
Allah sumber segala penghiburan.  
Dia menghibur kami dalam pelbagai kesusahan,  
supaya kami pula dapat menghibur  
orang yang mengalami kesusahan dengan penghiburan  
yang kami terima sendiri daripada Allah.  
(2 Korintus 1:3-4)

## Pengenalan

**A**yub, isterinya dan tiga orang sahabatnya bersetuju dengan dua perkara. Hidup kita adalah “singkat umurnya dan penuh keresahan” (Ayub 14:1b), dan tangan Allah bercampur dengan akrab dalam masalah kita. Tetapi perselisihan dan kebingungan berlaku di antara mereka apabila mereka cuba untuk menjelaskan secara tepat bagaimana Allah dan masalah berkaitan.

Mereka bertengkar tentang sebab-penyebab masalah Ayub; tiada seorang pun yang memahami hakikat sebenar di sebalik drama kosmik itu. Mereka bertengkar tentang apa yang Allah sedang lakukan; tiada seorang pun yang mengerti bahawa Allah mempunyai tujuan untuk kebaikan yang melampaui pemahaman manusia dan Dia bukannya menghukum Ayub. Mereka bertelingkah tentang kesahihan iman dan kesetiaan yang diakui oleh Ayub; tiada seorang pun yang mengerti bahawa Ayub bukan sahaja satu bukti iman tetapi juga suatu proses kerja yang sedang berjalan. Dan mereka bertelingkah mengenai *siapa* yang perlu melakukan *apa* dalam memberi respons kepada suatu penderitaan; tidak ada seorang pun yang mengerti bahawa Tuhan akan muncul, bahawa Dia akan bertanya soalan-soalan, bahawa tujuan-Nya akan dipenuhi. Tuhan sendiri menggambarkan Ayub sebagai “tidak bercela, tulus, dan takut kepada Allah serta menjauhi kejahatan” (Ayub 1:8). Tetapi siapakah yang boleh meramalkan perjalanan yang



membebaskan yang akan membuktikan fakta itu?

Beribu-ribu tahun kemudian, kita manusia masih mempunyai umur yang singkat dan masih banyak yang menderita. Dan masalah kita masih membingungkan kita. Kenapa ini berlaku kepada saya? Di manakah Allah? Apa yang Dia buat? Bagaimanakah rupa iman itu? Bagaimanakah Tuhan akan muncul? Mengapa perjalanan ini sungguh sulit?

Dan apakah perbezaan yang ada di antara kesengsaraan Ayub ketika itu dengan kesengsaraan anda sekarang, Firman itu menjadi manusia dan hidup di kalangan kita? Ayub berkata:

- <sup>25</sup> Namun demikian, aku tahu bahawa Penebusku hidup,  
dan pada akhirnya Dia akan berdiri di atas bumi.
- <sup>26</sup> Setelah kulitku dibinasakan sedemikian rupa,  
tanpa tubuhku juga aku akan melihat Allah.
- <sup>27</sup> Akan kulihat Dia memihak kepada aku.  
Mataku akan memandangi Dia, bukan yang lain.  
Batinku merindu di dalam dadaku. (Ayub 19: 25-27)

Penebus Ayub akhirnya datang kepadanya. Tuhan menjawab dari tengah-tengah badai, dan Ayub berkata, “Sekarang aku melihat Engkau dengan mataku” (Ayub 42:5). Tetapi kita dapat lihat dengan lebih jelas lagi. Dari tempat di mana kita berada, kita melihat Yesus Kristus. Kita melihat dengan lebih lagi siapa Penebus itu. Kita melihat dengan lebih lagi bagaimana Dia melakukannya. Kita dapat mengatakan dengan lebih daripada apa yang Ayub boleh katakan: “Allah telah berfirman, ‘Hendaklah cahaya bersinar dari dalam gelap.’ Allah juga yang telah membuat cahaya itu bersinar dalam hati kita, sehingga kita mendapat pengetahuan tentang kemuliaan Allah di wajah Yesus Kristus. (2 Korintus 4:6). Kita melihat. Tetapi kehidupan kita masih “singkat umurnya dan penuh keresahan”.

Ini adalah tumpuan utama buku ini bagi anda. Apabila anda menghadapi masalah, kehilangan, ketidakupayaan, dan kesakitan, *bagaimanakah* Allah dan Bapa Tuhan kita Yesus



Kristus bertemu dengan anda dan menghibur anda? Bagaimanakah kasih kurnia dan kebaikan menemui anda, menyentuh anda, bekerja dengan anda, dan berjalan dengan anda melalui air yang dalam? Anda mungkin telah mengetahui sesuatu mengenai “jawapan yang betul”. Pertimbangkan tiga kebenaran berikut:

Pertama, adalah jelas dari kedua-dua Kitab Suci dan pengalaman bahawa Allah *tidak pernah* menetapkan satu zon tanpa terbang yang menjauhkan segala masalah. Dia tidak pernah berjanji bahawa hidup anda akan selamat, mudah, aman, sihat, dan makmur. Sebaliknya, anda dan saya sudah pasti akan mengalami bahaya, kesusahan, gelojak, sakit-penyakit, dan kehilangan. Dan ada anak-anak Allah yang dikasihi-Nya hidup dalam kehidupan yang penuh dengan kesakitan fizikal, kemiskinan, pengasingan, pengkhianatan, dan kehilangan. Bagi kita semua, kematian adalah penderitaan terakhir yang tidak dapat dielakkan dan pasti akan datang. Kita manusia adalah teratai mariposa di Lembah Kematian selepas hujan. Kita berkembang untuk seketika. Kemudian angin melalui kita, dan kita akan pergi, tanpa ada jejak. Demikianlah keterangan mengenai anak-anak Allah yang dikasihi dan diberkati menurut Mazmur 103:15-16. Dan, sudah tentu, orang yang berpisah dari Allah juga mempunyai kehidupan yang singkat dan sukar. Kita tidak dapat membaca sama ada Allah berpihak ataupun tidak kepada seseorang itu dengan menilai betapa sukarnya kehidupan seseorang itu.

Kedua, jelas dari Kitab Suci dan pengalaman bahawa kita juga adalah contoh kesukaan dan hadiah yang baik dari tangan Allah. Teratai mariposa cantik pada musimnya. Kebanyakan orang menikmati sesuatu yang baik – kasih dalam keluarga misalnya, dan makanan harian, pesta sekali-sekala, satu ukuran kesihatan yang baik, sahabat dan teman yang baik, saat-saat yang indah, peluang untuk menjadi baik dalam sesuatu, kasih yang berterusan, gelak tawa kanak-kanak, tugas yang dilaksanakan dengan baik, keseronokan istirehat selepas bekerja, dan mungkin waktu tidur yang berkualiti. Tidak ada



jaminan bagi apa-apa kebaikan di dunia, tetapi semua hadiah yang baik dapat dinikmati dengan penuh sukacita.

Sesetengah orang diberkati secara luar biasa dengan kegembiraan duniawi. Ayub menikmati pemberian baik secara luar biasa pada permulaan dan pengakhiran hidupnya – Iblis menuduh TUHAN memberikan Ayub sebuah kehidupan yang selesa sebagai rasuah untuk imannya. Dan orang sombong, yang bertentangan dengan Allah dan yang bergantung kepada diri sendiri, juga dapat menikmati kehidupan yang selesa dengan kesihatan yang baik, kekayaan yang semakin bertambah, dan dikagumi oleh orang lain. Begitulah Mazmur 73:3-12 menggambarkan orang yang berjaya walaupun mereka menganggap Tuhan tidak relevan. Kita tidak boleh membaca apa yang diperkenan ataupun tidak oleh Allah dengan menilai betapa mudah dan bebasnya kehidupan seseorang itu.

Ketiga, jelas dari Kitab Suci – dan ia dapat menjadi sangat berakar dalam pengalaman – bahawa Allah berbicara dan bertindak melalui penderitaan. Seperti yang dikatakan oleh C. S. Lewis, “Allah berbisik kepada kita dalam kegembiraan kita, berbicara dalam hati nurani kita, tetapi berteriak dalam kesakitan kita: itulah cara-Nya untuk membangkitkan semangat sebuah dunia yang tidak pekak.”<sup>1</sup> Tujuan buku ini adalah untuk mengukuhkan pengalaman anda dengan lebih dalam lagi dalam kebaikan Allah. Penderitaan mendedahkan kesetiaan iman kepada Kristus. Dan penderitaan melahirkan iman yang tulen. Sebagai contoh, apabila anda bergumul dalam penderitaan, Mazmur menjadi nyata. Iman yang benar semakin mendalam, semakin terang, dan bertumbuh menjadi nyata. Anda bertumbuh dalam mengenal Allah. Apabila anda menjadi bukti yang benar, anda juga akan dan sentiasa menjadi sesuatu pekerjaan yang masih dalam proses. Penderitaan adalah kedua-duanya ujian asid dan pemangkin.

---

<sup>1</sup> C. S. Lewis, *The Problem of Pain* (1940; San Francisco: HarperSanFrancisco, 2001), hal. 91.





Ia mendedahkan dan membentuk iman. Ia juga mendedahkan dan memusnahkan iman yang palsu. Penderitaan mendedahkan harapan ilusi yang dilaburkan dalam tuhan-tuhan khayalan. Kekecewaan seperti ini adalah satu perkara yang baik, membawa kepada belas kasihan yang besar. Kemusnahan apa yang palsu mengundang pertaubatan dan iman kepada Allah sebagaimana Dia sebenarnya. Penderitaan membawa sebuah pengalaman tentang kehilangan setiap perkara baik bagi mereka yang mengaku tidak percaya kepada satu-satunya Penyelamat dunia, pemberian yang tidak ternilai dari Allah, Pemberi Kehidupan. Penderitaan menekan ketidakpercayaan. Ia menekan ketidakpercayaan terhadap kepahitan, atau keputusan, atau ketagihan, atau lebih banyak ilusi yang terdesak, atau kepuasan diri yang lebih mematikan – atau ke arah satu pertimbangan semula apa yang kekal. Untuk kehilangan apa yang menjadi hala tuju hidup anda, apabila khazanah itu adalah sia-sia, akan mengundang pertaubatan yang menyeluruh. Kita boleh membaca apa yang diperkenan ataupun tidak oleh Allah dengan melihat bagaimana seseorang itu memberi respons terhadap penderitaan.

Tangan Allah dengan akrab bercampur dalam masalah kita. Setiap hari akan membawa kepada anda “kesusahannya sendiri” (Matius 6:34). Ada masalah yang ringan dan sementara – yang anda hadapi pada hari ini dan akan dilupakan pada keesokan harinya. Ada juga kesudahan yang bertahan selama semusim. Ada masalah yang terjadi berulang-ulang kali. Ada juga kesengsaraan yang menjadi semakin buruk. Ada kesengsaraan semakin bertambah buruk, secara progresif membawa kesakitan dan kecacatan ke dalam hidup anda. Dan penderitaan lain tiba dengan kesudahan yang tidak dapat dielakkan – kehancuran sebuah mimpi, kematian orang yang disayangi, kenazakan anda dan kematian anda sendiri. Tetapi apa saja yang anda mesti hadapi dengan cahaya kebangkitan Yesus Kristus dan janji bahawa anda juga akan hidup, iman boleh bertumbuh. Anda boleh belajar untuk berkata dengan sepenuh hati, dengan dikelilingi sebegitu ramai saksi: “Dengan



demikian, kami tidak tawar hati. Walaupun manusia lahiriah kami kian merosot, namun manusia batiniah kami diperbaharu setiap hari. Kesusahan yang ringan dan hanya sedetik ini membawa bagi kami kemuliaan yang kekal tanpa bandingan.” (2 Korintus 4: 16-17). Kita boleh belajar untuk mengatakannya dan bermaksudkannya, kerana ia benar.

Jika anda adalah seseorang yang menghayati kitab Mazmur, jika anda seseorang yang merenungkan bahagian kedua Surat Roma 8, jika anda telah membaca kitab Ayub, jika anda telah mendalami 1 Petrus, maka anda telah pun mendapat intipati tentang bagaimana kasih Allah bekerja dalam kesukaran. Tetapi akan sentiasa ada cabaran baru. Kebijaksanaan untuk menghadapi penderitaan dengan baik adalah seperti manna – anda harus menerima khasiat setiap hari. Anda tidak boleh menyimpannya, walaupun anda menjadi semakin akrab dengan mencari jalan keluar dan mencari apa yang anda perlukan pada hari ini.

Bagaimanakah Allah menanggung penderitaan *anda* dengan kasih kurnia-Nya? Anda mungkin mengetahui jawapan yang benar dalam teori. Anda mungkin telah mengetahuinya secara langsung dalam beberapa situasi yang sukar. Namun anda mungkin mendapati bahawa anda tidak mengenali Allah dengan cukup baik atau dengan cara yang tepat yang anda perlukan untuk perkara seterusnya yang datang dalam hidup anda.

Kita mengambil jawapan keras Allah dan menjadikannya seperti jawapan yang serta merta. Dia menetapkan satu *jawapan* yang panjang dan perlahan, tetapi kita memerlukan jawapan yang serta merta. Jawapan-Nya menegaskan bahawa ia telah hidup dari masa ke masa dan kepada butir-butir yang tertentu. Kita bertindak seperti hanya dengan mengatakan kata-kata yang tepat akan menjadikannya begitu. Jawapan Allah melibatkan mengubah anda menjadi orang yang lain. Tetapi kita bertindak seolah-olah sesetengah kebenaran, prinsip, strategi, atau perspektif mungkin dimasuk-



kan ke dalam diri siapakah kita. Allah mempersonakan jawapan-Nya dengan fleksibiliti yang luar biasa. Tetapi kita mengubahnya menjadi satu formula: “Jika anda hanya percaya x. Sekiranya anda hanya melakukan y. Jika anda hanya mengingati z.” Tidak ada kebenaran penting yang mengandungi perkataan “hanya” dalam ayatnya.

Kita boleh membuat jawapan yang tepat kedengaran benar, tetapi saya menjamin hal ini: Allah akan mengejutkan anda. Dia akan menghentikan anda. Anda akan bergumul. Dia akan menyebabkan anda berputus asa. Dia akan mengambil masa-Nya. Anda akan bertumbuh dalam iman dan dalam kasih. Dia akan menggembirakan anda. Anda akan mendapati bahawa prosesnya lebih sukar daripada yang pernah anda bayangkan – dan lebih baik. Kebaikan dan belas kasihan akan mengikuti anda sepanjang hidup anda. Pada akhir sebuah jalan yang panjang anda akan pulang ke rumah pada akhirnya. Tidak kira berapa kali anda pernah mendengarnya, tidak kira berapa lama anda telah mengetahuinya, tidak kira berapa baik anda dapat mengatakannya, jawapan Allah akan menjadi sesuatu yang lebih baik daripada apa yang pernah anda bayangkan.

Dia menjawabnya dengan diri-Nya sendiri.<sup>2</sup>

---

<sup>2</sup> Buku ini adalah berdasarkan kepada sebahagian daripada David Powlison, “God’s Grace and Your Sufferings,” dalam *Suffering and the Sovereignty of God*, suntingan John Piper dan Justin Taylor (Wheaton, IL: Crossway, 2006), hal. 145–73.

# 2

## Teguhlah Alasan

**A**nda pernah mengalami, anda sedang mengalami dan anda akan mengalami penderitaan. Saya telah meminta anda untuk merujuk kepada pengalaman anda, dan di halaman yang mengikuti saya juga akan merujuk kepada pengalaman saya.

Kita mempunyai contoh-contoh yang baik sebagai panduan kita! Kita melihat penderitaan Abraham, Yakub, dan Yusuf. Kita melihat anak-anak Israel yang pada awalnya diperhambakan dan kemudian menggembara. Kita melihat Naomi dan kemudian Hana. Kita melihat Daud dan kemudian Yeremia. Kita melihat Yesus dan kemudian Paulus. Mereka berbicara secara terbuka tentang penderitaan mereka, dan mereka mendedahkan cara Allah ketika mereka berduka, berdoa, berbicara, mengajar, dan menyembah dari dalam pengalaman yang jujur.

Bab-bab yang berikutnya akan menenun bersama empat pintalan kesaksian. Sudah tentulah Kitab Suci, pengalaman anda, dan pengalaman saya akan muncul. Pintalan keempat ialah satu pujian yang indah, “Teguhlah Alasan.”<sup>1</sup> Saya telah memilih lagu kemenangan iman ini kerana ia menyatakan bagaimana seorang

---

<sup>1</sup> Alasan yang dimaksudkan di sini adalah dasar – dasar iman. Judul asal dalam Bahasa Inggeris lagu kemenangan iman ini “How Firm A Foundation” (Betapa Teguhnya Satu Dasar”.



saudara atau saudari yang tidak dikenali menggambarkan kasih kurnia Allah yang sedang bekerja dalam penderitaan. Bacalah pujian ini dengan teliti. Nyanyikannya jika anda tergerak untuk melakukannya. Dan baca sekali lagi. Anda bebas untuk menggaris atau memberikan komen mengenai apa yang menarik perhatian anda sebagai kesan yang pertama.

Teguhlah alasan orang yang kenal Tuhan;  
 Jurus'lamat kalam yang kekal janji-Nya;  
 tetaplah tak boleh berlalu,  
 yang lari pada-Nya dilindung tentu.

“Hai janganlah takut Tuhan sertamu,  
 Ku hendak menolong besar kuasa-Ku;  
 dan jiwa Kukuatkan, Akulah kod'rat,  
 supaya berdiri serta-Ku s'lamat.

“Laut dalam Kupanggil engkau 'tuk masuk;  
 sungai kesedihan takkan melimpah;  
 Ku bersertamu dan kau 'kan Kuberkat,  
 bimbang dan sedihmu Aku kuduskan.

“Waktu cobaan berapi kau jalan,  
 kasih-Ku berlimpah cukup Kubekal;  
 api tak sakiti; k'rna Ku bentuk  
 imanmu supaya murni bak emas.

“Sampai umur tua umat-Ku buktikan,  
 Aku berdaulat, kasih-Ku tak b'rubah;  
 'pabila rambut mereka memutih,  
 s'prti domba Ku tanggung terus.

“Orang yang berlindung kepada Yesus,  
 Tak akan, tak akan Tuhan tinggalkanmu;  
 Meskipun musuhnya besar serta kuat,  
 Sehingga kekal Tuhan akan dekat.”<sup>2</sup>



Dalam bab ini saya akan membuat dua komen pengenalan tentang keseluruhan pujian kemenangan iman itu dan akan menggalakkan anda untuk menyelidik lagu pujian lain yang juga akan berbicara kepada penderitaan kita. Kemudian dalam bab-bab berikutnya kita akan meneroka makna dan implikasi bagi setiap rangkap.

## Penulis dan Suara

### 1. Pujian siapakah itu?

Salah satu daripada daya tarikan halus tentang “Teguglah Alasan” adalah tidak diketahui siapakah penulisnya. Hanya Allah dan penulisnya sahaja yang mengetahui siapa yang menulisnya. Dalam dunia yang taksub dengan mengambil kredit dan menerima bayaran bagi pencapaian, lagu pujian ini adalah sekadar persembahan tulus seseorang yang tidak diketahui kepada Allah. Apakah penderitaan signifikan yang dihadapi oleh orang itu? Kita tidak tahu. Tetapi setiap rangkap menyampaikan pengalaman bersama tangan Allah dalam kesulitan hidupnya. Adakah penulis itu seorang lelaki atau perempuan? Muda atau tua? Berkahwin atau bujang? Hitam, coklat, atau putih? Kaya, miskin, atau sederhana? Baptis, Presbyterian atau Anglikan? Kita tidak tahu. Siapa pun orang itu, apa pun kesusahan yang membuat kehidupan menjadi huru-hara, kita mendengar kata-kata yang tepat pada waktunya dari Tuhan yang secara peribadi telah campur tangan. Kata-kata dari saudara seiman anda ini akan berbicara dalam penderitaan *anda* yang signifikan. Ketidaktahuan penulis lagu ini menambahkan lagi kesesuaian pada undangan untuk menjadikan pujian ini untuk diri anda sebagai satu sarana kasih kurnia.

---

<sup>2</sup> Versi bagi lirik ini, dikemaskini kepada bahasa yang lebih moden, diambil dari *Trinity Hymnal*, rev. ed. (Philadelphia: Great Commission Publications, 1990), no. 94. (*Trinity Hymnal* merujuk kepada *Selection of Hymns* Rippon, 1787; alt.) Ia boleh dinyanyikan dengan beberapa rentak yang dikenali. Kegemaran saya adalah *Adeste Fideles* (yang juga adalah rentak “Mari Orang Saleh”), yang mengulang dua kali baris terakhir dalam setiap rangkap.



## 2. Suara siapakah yang berbicara melaluinya?

Kita tidak selalu memberi perhatian kepada hal ini, tetapi setiap pujian mempunyai satu sudut pandang, satu suara yang mengenal pasti pembicara dan pendengar. Sebagai contoh, banyak lagu pujian, seperti kebanyakan mazmur, bernyanyi terus kepada Allah. Ketika menyanyi “Kaulah Ya Tuhan, Surya Hidupku,”<sup>3</sup> anda memberikan suara anda kepada keperluan anda dan menyatakan kasih anda.

Lagu pujian lain, seperti mazmur yang lain, bernyanyi *tentang Allah kepada satu sama lain*. Dalam ayat “Ajaib benar anugerah, pembaru hidupku! ‘Ku hilang, buta bercela, oleh-Nya ‘ku sembuh,”<sup>4</sup> anda menyatakan apa yang Tuhan kita telah lakukan untuk anda. Dalam “Mari orang saleh,”<sup>5</sup> anda memanggil saudara-saudara anda untuk bangun dan memuja Tuhan kita.

Kadang-kadang, seperti dalam Mazmur 103, sebuah nyanyian yang anda nyanyikan *untuk diri anda sendiri*. Dalam lirik “Tenang dan sabarlah, wahai jiwaku,”<sup>6</sup> anda menyatakan harapan kepada diri anda sendiri apabila anda merasa gelisah dan cemas. Dan dalam “Bangkit hai nyawaku, jangan ketakutan, Almasih bagimu sudah jadi korban,”<sup>7</sup> anda mengisytiharkan harapan kepada diri sendiri apabila anda berasa dihancurkan oleh dosa anda sendiri.

Sama ada berbicara kepada Allah, kepada satu sama lain, atau kepada diri kita sendiri, kita sebenarnya memberikan suara kita kepada iman kita, keperluan kita, dan sukacita kita. Tetapi dalam “Teguhlah Alasan,” anda bernyanyi dalam suara yang bukan seperti biasa. Hanya dalam rangkap yang

<sup>3</sup> Lagu Kemenangan Iman Tradisional Irish, abad yang keenam atau kelapan, terj. Eleanor Hull, 1912. (lihat halaman 14)

<sup>4</sup> John Newton, 1779. (lihat halaman 54)

<sup>5</sup> Kredit diberi kepada John Francis Wade, 1751, terj. Frederick Oakeley, 1841.

<sup>6</sup> Katharina von Schlegel, 1752, terj. Jane Borthwick, 1855. (lihat halaman 70)

<sup>7</sup> Charles Wesley, 1742.



pertama anda berbicara tentang Tuhan dan memanggil satu sama lain untuk mendengar apa yang dikatakannya. Pada bahagian lain pujian itu, *Allah berbicara terus kepada anda*. Perhatikan bahawa tiga rangkap yang terakhir bermula dengan pembuka kata. Ini adalah kata-kata Tuhan. Biar pun kita menyanyikannya, kita diletakkan sebagai pendengar – seperti dalam Mazmur 50:5-23.

Allah sedang berbicara dengan anda. Renungkan itu. Anda menyanyikan lagu pujian ini dengan mendengar dengan penuh perhatian. Apa yang dibicarakan Tuhan? Menariknya, Dia berbicara terus kepada anda di dalam penderitaan anda yang signifikan. Dia memberitahu anda siapakah Dia, dan seperti apakah rupa-Nya, dan apa yang dilakukan-Nya – tidak secara umum, tetapi menurut apa yang anda lalui. Dia menghidupkan tujuan-Nya ke dalam kesakitan anda. Dia menjanjikan perkara-perkara yang paling anda perlukan. Kebanyakan lagu kemenangan iman menggambarkan iman kita – kepada Allah, kepada satu sama lain, dan kepada diri sendiri. Lagu pujian ini lebih dasar. Suara Allah mengundang iman. Dia berseru kepada anda.

Ini amat bersesuaian apabila ia berkaitan dengan penderitaan. Penulis lagu pujian menunjukkan satu perasaan yang sangat mendalam terhadap pergelutan dan keperluan mereka yang sedang menderita. Keperluan asas orang yang menderita adalah untuk mendengar Allah berbicara dan mengalami Dia yang sedang bekerja dalam tujuan-Nya. Apabila anda mendengar, menghayati, dan mengetahui bahawa Dia berserta anda, semuanya berubah, walaupun ketika tiada apa-apa perubahan dalam situasi anda. Jika anda ditinggalkan bersendirian, anda akan bertindak secara membabi buta. Masalah anda akan menghantui anda, mengganggu anda, menekan anda. Anda tercengkam sendiri. Allah seperti tidak kelihatan, menyepi, sangat jauh. Ancaman dan kesakitan dan kehilangan semakin kedengaran. Iman seperti kabur. Kesedihan dan kekeliruan berada di mana-mana. Sukar untuk mengingat hal-hal lain, sukar untuk berbicara apa yang sebenarnya sedang





berlaku, sukar untuk merasakan mana-mana kuasa tentang siapakah Yesus Kristus itu.

Anda mungkin berbisik jawapan yang tepat kepada diri sendiri, tetapi ia seperti membaca buku telefon. Anda berdoa, tetapi kata-kata anda kedengaran seperti hafalan, samar-samar yang tidak benar, hanya amalan keagamaan yang umum. Anda tidak pernah bercakap dengan orang yang sebenar seperti itu. Sementara itu, pergelutan yang berlaku dalam diri anda hanya satu lafazan dan tidak nyata. Tekanan dan kesakitan menjadi sangat mengasyikkan. Anda terperangkap dalam kebimbangan, kesedihan, kekesalan, kekeliruan, kepahitan, kekosongan dan ketidakpastian.

Pergelutan ini tidak menghairankan. Sebagai contoh, Keluaran 6:9 menggambarkan bagaimana “rasa terlalu sedih dengan penindasan daripada beban perhambaan” membuat mereka tidak mahu mendengar. Mereka berasa begitu hancur sehingga kata-kata Musa tidak memberikan apa-apa kesan. Saya mengesyaki kadang kala kita juga merasakan seperti ini. Kata-kata yang orang lain merasakannya bermakna dan berpendapat bahawa ia mungkin membantu hanya sekadar kata-kata, bunyi kosong tanpa sebarang makna.

Tetapi Allah bekerja untuk membalikkan pusaran yang menurun kepada kepekakan dan keputusasaan. Seperti kisah yang diceritakan dalam Keluaran, TUHAN terus mengatakan apa yang Dia lakukan dan melakukan apa yang Dia katakan. Penderitaan, kepekakan dan kebutaan umat itu tidak hilang dalam sekelip mata. Tetapi dalam Keluaran 15, mereka melihat dan mendengar, dan mereka menyanyi dengan sukacita yang penuh.

Betapa suara dan tangan Tuhan telah mencapai kita dalam hidup kita. Roh Kudus bekerja dengan penuh kuasa dan erat di zaman penciptaan baru ini untuk menyampaikan firman, kehadiran dan kasih Allah ke dalam hati kita. Orang yang

menderita bangkit untuk mendengar suara Bapa mereka dan untuk melihat tangan Penyelamat mereka di tengah-tengah penderitaan yang signifikan.

Anda perlu mendengar apa yang Allah katakan, dan untuk mengalami bahwa Dia melakukan apa yang Dia katakan. Anda perlu merasakan berat dan kepentingan-Nya. Dia tidak pernah berbohong. Dia tidak pernah mengecewakan (biarpun Dia dengan bijaksana merancang untuk mengecewakan harapan palsu kita, agar kita dapat dibebaskan dari ilusi kita). Walaupun anda melalui lembah bayang-bayang kematian, anda tidak perlu takut dengan kejahatan. Dia beserta anda. Kebaikan dan belas kasihan akan mengikuti anda. *Inilah yang dilakukan-Nya.* Suara Allah berbicara lebih dalam dari apa yang menyakitkan, lebih terang dari apa yang gelap, lebih kekal dari apa yang hilang, lebih benar dari apa yang telah berlaku.

Anda telah disedarkan. Anda menghayatinya, dan anda merasainya. Anda telah mengalami hal ini. Dunia berubah. Anda juga berubah. Suara-Nya mengubah makna setiap kesusahan. Apa yang Dia lakukan, telah lakukan, sedang lakukan, dan akan lakukan – mengubah kesan dan hasil segala yang berlaku kepada anda. Iman anda bertumbuh menjadi manusia yang jujur dan bijaksana, tidak lagi suram dan kabur. Anda bertumbuh menjadi serupa seperti Yesus: seorang yang penuh derita dan terbiasa dengan kesakitan, seorang yang mempunyai hati Allah sendiri, yang telah mengasihi umat kepunyaan-Nya sendiri, mengasihi mereka hingga akhir.



### **Menjadikannya Peribadi untuk Anda**

Ketika kita membongkar cara-cara bagaimana “Tegulah Alasan” menyampaikan kasih kurnia Allah ke dalam masalah yang kita hadapi, saya menggalakkan anda untuk mengumpulkan sumber-sumber kasih kurnia untuk menguatkan dan menggalakkan anda.



Sebagai contoh, apakah lagu-lagu kemenangan iman dan pujian-pujian lain yang pernah anda dengar, yang mengangkat hati anda dari tempat gelap ke dalam Kristus? Berikut adalah dua pujian klasik yang sering memberi dorongan kepada saya ketika saya berasa terbeban.

### **1. Sebuah pujian yang anda nyanyikan mengenai Tuhan – dan juga boleh dinyanyikan kepada Tuhan.**

Tajuknya “Yesus! Sahabat Orang Berdosa!”<sup>8</sup> berbicara hanya separuh daripada cerita lagu pujian itu. Yesus juga adalah seorang sahabat sejati bagi orang yang menderita. Wilbur Chapman sangat jujur mengenai kesukaran hidup. Dia berbicara tentang sahabat-sahabat yang mengecewakan anda. Dia berbicara mengenai orang yang sebenarnya bukan sahabat tetapi datang hanya untuk menyakiti anda. Dia mengetahui apakah perasaan apabila sedang patah hati, sedih, dan lemah. Dia pernah mengalami saat yang bergelora dan malam yang gelap. Dengan memberikan contoh dan metafora ini, Chapman mengajak anda untuk menjadikannya sesuatu yang peribadi. Dan, yang paling penting, dia mengingatkan anda mengenai pelbagai cara di mana Yesus hadir ketika hidup anda susah. Dia mendengar jeritan anda meminta pertolongan.

Sepanjang pujian ini kita bernyanyi *mengenai* bagaimana Tuhan menghubungkan perjuangan kita. Tetapi selama bertahun-tahun jemaah kita telah mengubah rangkap yang terakhir dan korus yang terakhir supaya kita menyanyikannya terus *kepada* Penyelamat kita:

Yesus, kini aku menerima-Mu,  
 lebih dari semua kutemukan *Engkau*;  
*Engkau* memberiku pengampunan,  
 aku milik-Mu, dan *Engkau* milikku.  
 Haleluya! Inilah Penyelamat!  
 Haleluya! Inilah Sahabat!

---

<sup>8</sup> J. Wilbur Chapman, 1910.



Menyelamatkan, menolong, menjaga, mengasihi,  
*Engkau* bersamaku hingga akhir.

Saya telah mendapati ia secara pribadi sangat bermakna untuk beralih kepada percakapan aku-engkau pada kemuncak pujian itu. Lagu pujian biasanya ditulis dalam percakapan satu hala, seperti Bahasa Inggeris biasa. Tetapi Alkitab mempunyai cara penulisan yang lebih fleksibel. Ia sering berubah-ubah, seperti yang gereja kita telah lakukan pada lagu ini. Sebagai contoh, Mazmur 23 bermula dan berakhir dengan berbicara mengenai siapakah Tuhan dan apakah yang dilakukan-Nya. Tetapi dalam lembah yang paling gelap, saya bercakap secara langsung: “*Engkau* bersamaku.”

## **2. Sebuah pujian yang anda nyanyikan untuk diri anda sendiri.**

Katharina von Schlegel telah mengalami kematian sahabat terkasihnya. Dia merasakan kesedihan, kesakitan, tangisan, kehibaan, ketakutan, dan kekecewaan. Dalam “Tenang dan Sabarlah,” dia bergelut dalam dirinya, berusaha mencari ketenangan di tengah-tengah kegelisahan dan kekecewaan. Dia mengingatkan dirinya daripada pelbagai sudut bahawa Sahabat Baiknya ada bersamanya. Dia akan mengesat air matanya pada hari Dia memperbaharui sukacita kasih yang suci. Kristus akan melakukan yang sama untuk anda.

Sebagai tambahan kepada lagu-lagu pujian, ada banyak buku yang baik yang telah ditulis mengenai penderitaan. Anda tidak akan tersasar dengan buku-buku oleh Nancy Guthrie dan oleh Joni Eareckson Tada. Buku yang kurang dikenali yang sangat membantu adalah buku Dan McCartney yang bertajuk *Mengapa Ia Harus Menyakitkan?*<sup>9</sup>

Seperti topik lain yang luas dan penting – Injil Yesus Kristus, perjuangan dengan dosa, bagaimanakah rupa kasih – terdapat

---

<sup>9</sup> Dan McCartney, *Why Does It Have to Hurt? The Meaning of Christian Suffering* (Phillipsburg, NJ: P&R, 1998).



ruang untuk satu sudut yang baru dan segar. Kerana buku-buku yang baik dan membantu ini terhasil dari aliran hidup yang sama, mereka saling melengkapi antara satu sama lain. Tidak ada dua daripadanya yang datang kepada topik itu dari sudut yang sama atau mengatakan hal yang sama mengenai perkara yang sama. Harapan saya ialah buku ini, walaupun tidak cuba untuk mengatakan segala-galanya, menawarkan beberapa perkara yang anda akan dapati sangat membantu.

Jangan takut,  
kerana Aku berserta denganmu.  
Jangan cemas,  
kerana Akulah Allahmu.  
Aku akan menguatkan,  
bahkan akan menolong engkau.  
Ya, Aku akan menopang engkau  
dengan tangan kanan-Ku yang penuh kebenaran.  
Kerana Aku, TUHAN, Allahmu,  
memegang tangan kananmu  
dan berfirman kepadamu,  
“Jangan takut, Aku akan menolong engkau.”

(Yesaya 41:10,13)

